

**CABARAN DAN STRATEGI PENDIDIKAN ISLAM ERA DIGITAL UNTUK
GENERASI ALPHA: ANALISIS PERBANDINGAN DI BRUNEI, MALAYSIA DAN
INDONESIA**

**[CHALLENGES AND STRATEGIES OF ISLAMIC EDUCATION IN THE DIGITAL
ERA FOR GENERATION ALPHA: A COMPARATIVE ANALYSIS IN BRUNEI,
MALAYSIA, AND INDONESIA]**

TINI VITANINGTYAS^{1*} & ROSLAN AB. RAHMAN¹

^{1*} Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300, Kuala Nerus, Terengganu Malaysia.

Correspondent Email: tinivitaningtyas85@gmail.com

Received: 24 May 2025

Accepted: 26 June 2025

Published: 18 July 2025

Abstrak: Kajian ini membincangkan cabaran dan strategi pendidikan Islam dalam era digital untuk Generasi Alpha melalui analisis perbandingan di Brunei, Malaysia dan Indonesia. Generasi ini memerlukan pendekatan pendidikan yang seimbang antara kemajuan teknologi dan nilai-nilai Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis kandungan terhadap dokumen, jurnal, dan buku ilmiah yang berkaitan dengan pelaksanaan pendidikan Islam digital di ketiga-tiga negara. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan dalam pendekatan yang diambil oleh ketiga-tiga negara, terutamanya dalam aspek integrasi teknologi, latihan guru, kurikulum berasaskan nilai Islam, serta penglibatan ibu bapa. Antara cabaran utama ialah jurang digital, kekurangan sumber digital Islamik yang sahih, dan kesenjangan literasi digital dalam kalangan pendidik dan pelajar. Kajian ini mencadangkan strategi holistik berteraskan Maqasid Syariah dan pedagogi berpusatkan pelajar untuk mengukuhkan pendidikan Islam yang adaptif terhadap perubahan zaman digital. Implikasi kajian ini memberi sumbangan kepada dasar pendidikan Islam serantau dan pembangunan model pendidikan Islam digital yang lebih mampan dan inklusif.

Kata Kunci: Pendidikan Islam, Generasi Alpha, Era Digital, Strategi Pengajaran, Analisis Perbandingan, Brunei, Malaysia, Indonesia.

Abstract: This study discusses the challenges and strategies of Islamic education in the digital era for Generation Alpha through a comparative analysis of Brunei, Malaysia, and Indonesia. This generation requires an educational approach that balances technological advancement with Islamic values. The study employs a qualitative methodology using content analysis of documents, scholarly journals, and books related to the implementation of digital Islamic education in the three countries. The findings reveal both similarities and differences in the approaches adopted, particularly in terms of technology integration, teacher training, values-based curriculum, and parental involvement. Key challenges identified include the digital divide, the lack of authentic Islamic digital resources, and the gap in digital literacy among educators and students. The study proposes a holistic strategy grounded in Maqasid Shariah and student-centered pedagogy to strengthen Islamic education that is responsive to the dynamics of the digital age. The implications of this study contribute to regional Islamic education policy and the development of a more sustainable and inclusive model of digital Islamic education.

Keywords: Islamic Education, Generation Alpha, Digital Era, Teaching Strategies, Comparative Analysis, Brunei, Malaysia, Indonesia.

Cite This Article:

Tini Vitaningtyas & Roslan Ab. Rahman. (2025). Cabaran Dan Strategi Pendidikan Islam Era Digital Untuk Generasi Alpha: Analisis Perbandingan Di Brunei, Malaysia Dan Indonesia [Challenges And Strategies Of Islamic Education In The Digital Era For Generation Alpha: A Comparative Analysis In Brunei, Malaysia, And Indonesia]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(2), 82-96.

PENDAHULUAN

Perkembangan pesat teknologi digital pada abad ke-21 telah merombak landskap pendidikan global. Medium baharu seperti platform e-pembelajaran, aplikasi mudah alih dan kecerdasan buatan (AI) bukan sahaja mempercepatkan akses ilmu, malah mengubah cara pelajar berfikir dan berinteraksi (Salmi, 2020). Pendidikan Islam, sebagai elemen penting dalam membentuk sahsiah generasi Muslim, turut berdepan tekanan untuk menyesuaikan diri agar kekal relevan tanpa mengabaikan prinsip asasnya.

Generasi Alpha, iaitu individu yang lahir selepas tahun 2010, merupakan generasi pertama yang membesar sepenuhnya dalam ekosistem digital. Mereka digelar sebagai “digital natives” yang mahir teknologi, namun sering kali terdedah kepada pengaruh liberal, hedonistik dan materialistik tanpa bimbingan nilai dan kerohanian yang mantap (Prensky, 2010). Situasi ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pendidik Islam mengenai jurang antara kemajuan teknologi dan pembangunan akhlak pelajar.

Di negara majoriti Muslim seperti Brunei, Malaysia dan Indonesia, pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri pelajar. Namun, pelaksanaannya berdepan pelbagai cabaran termasuk kekangan infrastruktur digital, kompetensi guru, kekurangan latihan profesional serta ketidaksesuaian pendekatan tradisional dengan gaya pembelajaran generasi kini (Abdul Halim et al., 2023; Savana et al., 2025). Perbezaan konteks dasar pendidikan antara ketiga-tiga negara menjadikan kajian perbandingan ini penting bagi mengenal pasti cabaran bersama dan strategi efektif dalam pendidikan Islam era digital.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Generasi Alpha di Brunei, Malaysia dan Indonesia sedang berdepan cabaran sosial dan moral yang semakin kompleks, sebahagian besarnya berpunca daripada pendedahan awal terhadap teknologi digital yang tidak terkawal. Ketagihan permainan dalam talian, akses kepada kandungan pornografi, serta pelanggaran hak cipta dilaporkan semakin meningkat dan membimbangkan (Khanifah, 2024). Lebih serius, gejala kemerosotan akhlak seperti pergaulan bebas, penyalahgunaan dadah, budaya buli dan pergaduhan juga dikaitkan dengan pengaruh media digital yang tidak ditapis. Kekurangan asas keimanan yang kukuh menjadikan golongan ini lebih rentan terhadap arus negatif digital (Kahfi, 2025). Tahap literasi digital ibu bapa yang rendah menambahkan lagi risiko tersebut apabila pengawasan terhadap anak-anak menjadi lemah, membuka ruang yang lebih luas kepada pengaruh media sosial (Bukhari et al., 2024). Lebih membimbangkan, generasi ini turut terdedah kepada maklumat agama tidak sahih yang

tersebar di laman sesawang dan platform digital, menyebabkan keclaruan dalam pemahaman Islam serta melemahkan jati diri keislaman.

Namun begitu, era digital juga menawarkan peluang besar untuk memperkasakan pendidikan Islam melalui pendekatan kontekstual dan inovatif. Integrasi teknologi dalam kurikulum, penggunaan media interaktif untuk pemahaman agama, dan pembentukan etika digital berteraskan nilai Islam merupakan antara strategi yang perlu diterokai. Guru pula harus dilihat bukan sekadar sebagai penyampai ilmu, tetapi pembimbing rohani dan moral. Kolaborasi antara sekolah, keluarga dan komuniti digital amat penting bagi membentuk ekosistem pendidikan Islam yang responsif dan lestari (Hidayatullah et al., 2025).

PERNYATAAN MASALAH

Tinjauan terhadap kajian sedia ada menunjukkan kekurangan penyelidikan yang menfokuskan kepada pendidikan Islam untuk Generasi Alpha secara spesifik, terutama dari sudut pengintegrasian nilai-nilai Islam dengan teknologi digital. Sebahagian besar kajian terdahulu hanya memfokuskan aspek teknikal penggunaan teknologi, tanpa menggabungkan secara menyeluruh aspek pedagogi Islam, akidah, dan pembinaan sahsiah dalam konteks digital. Lebih membimbangkan, kebanyakan institusi pendidikan Islam masih menerapkan pendekatan tradisional yang tidak selaras dengan gaya pembelajaran Generasi Alpha yang lebih visual, cepat, dan berorientasi teknologi (Khosim, 2025). Di samping itu, tiada kerangka strategik yang menyeluruh bagi menggabungkan teknologi secara efektif dengan nilai-nilai tauhid dan akhlak Islami (Khalissafri & Isa Hamzah, 2023). Kelemahan ini mewujudkan jurang yang semakin melebar antara realiti kehidupan generasi muda dan sistem pendidikan Islam yang sedia ada.

Sekiranya jurang ini tidak ditangani, Generasi Alpha berisiko kehilangan panduan hidup berasaskan ajaran Islam, sekaligus melemahkan jati diri mereka sebagai Muslim. Justeru, transformasi pendidikan Islam perlu dilakukan secara menyeluruh dan kontekstual agar dapat berfungsi secara efektif dalam era digital dan globalisasi (Schwab, 2017; Siregar et al., 2024). Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti cabaran utama serta menganalisis strategi terbaik bagi mengintegrasikan teknologi digital dengan pendidikan Islam yang berteraskan nilai aqidah dan akhlak. Tumpuan diberikan kepada tiga negara utama iaitu Brunei, Malaysia dan Indonesia bagi mencadangkan model pendidikan Islam digital yang relevan, efektif dan berdaya tahan dalam membentuk Generasi Alpha yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran dan strategi pendidikan Islam digital dalam membentuk Generasi Alpha di Brunei, Malaysia dan Indonesia dengan objektif kajian berikut:

1. Mengetahui cabaran utama yang dihadapi dalam mendidik Generasi Alpha di era digital.
2. Menganalisis strategi semasa dalam mengintegrasikan teknologi digital dengan nilai-nilai Islam.

3. Menilai faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pendidikan Islam digital, termasuk peranan guru, ibu bapa, kurikulum dan institusi.
4. Mencadangkan model pendidikan Islam digital yang relevan, berkesan dan berteraskan nilai Islam bagi Generasi Alpha.

LITERATUR KAJIAN

Cabaran Pendidikan Islam dalam Era Digital di Brunei, Malaysia dan Indonesia

Identiti Islam berperanan sebagai asas penting dalam memelihara akidah dan akhlak generasi masa kini kerana jika diabaikan, boleh membawa mereka kepada kerosakan dan terjerumus dalam dosa (Gaya & Ahmad, 2024). Perkembangan teknologi digital memberi kesan signifikan terhadap pendidikan Islam, yang kini bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi juga membentuk sahsiah pelajar selari dengan tuntutan syariah dan cabaran zaman (Subakir, A, 2020; Karliani E et al., 2021; Mustofa F et al., 2024). Ketiga-tiga negara iaitu Brunei, Malaysia dan Indonesia berkongsi asas agama dan budaya yang sama, namun pendekatan terhadap pendidikan Islam digital berbeza mengikut tahap infrastruktur, dasar kerajaan dan kemampuan guru. Cabaran utama yang dihadapi merangkumi kekangan struktur, pedagogi dan nilai yang menuntut penyesuaian sistem secara menyeluruh (Hidayat et al., 2021).

Antara isu utama ialah jurang akses teknologi antara bandar dan luar bandar, khususnya di Indonesia yang berdepan dengan masalah capaian internet dan kekurangan latihan guru dalam penggunaan teknologi (Ikhwan et al., 2023). penggunaan teknologi di Indonesia perlu dilaksanakan secara terancang dan strategik, disokong oleh dasar yang adaptif serta pembangunan profesional berterusan, agar institusi pendidikan Islam kekal berdaya tahan dan mampu berkembang dalam era digital yang kompleks (Setia & Ainun, 2024). Di Malaysia dan Brunei, walaupun lebih maju dari segi digital, masih terdapat kekangan dalam memastikan guru pendidikan Islam bersedia menggunakan pendekatan pedagogi digital dengan berkesan (Azman et al., 2025). Walau bagaimanapun, teknologi berpotensi membantu guru menyampaikan topik-topik abstrak seperti aqidah dan akhlak secara visual dan kontekstual, sebagaimana yang telah diterapkan di sekolah-sekolah di Brunei dan Malaysia (Zakaria et al., 2020; Khalissafri & Isa Hamzah, 2023; Azman et al., 2024).

Pengalaman semasa pandemik juga menunjukkan keperluan terhadap media pembelajaran segerak dan tidak segerak seperti Zoom, Google Classroom, dan video interaktif (Asdlori, 2023). Namun, pelaksanaan pembelajaran digital masih berdepan cabaran seperti kekurangan peranti, kelemahan infrastruktur dan kesukaran kewangan ibu bapa. Justeru, pendidikan Islam dalam era digital perlu dilaksanakan secara strategik dan inklusif, dengan mengambil kira gaya pembelajaran Generasi Alpha yang lebih visual dan interaktif serta menyokong integrasi teknologi dengan nilai Islam yang kukuh.

Strategi Integrasi Teknologi dan Nilai Islam

Integrasi teknologi dengan nilai-nilai aqidah dan akhlak merupakan asas penting dalam membentuk model pendidikan Islam yang holistik, khususnya untuk generasi Alpha yang

membesar dalam persekitaran digital (Lubis, 2015). Brunei, Malaysia dan Indonesia telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggabungkan teknologi dengan nilai-nilai Islam, namun pelaksanaan ini berdepan pelbagai cabaran seperti kekurangan infrastruktur, kesediaan guru dan kandungan digital yang tidak patuh syariah. Pendekatan seperti pengajaran berasaskan permainan, laman web Islamik, metaverse, media sosial dan visual interaktif dikenal pasti mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran (Azman et al., 2025).

Kajian di Universiti Brunei Darussalam oleh Abubakari et al. (2023, 2024) menunjukkan bahawa pelajar lebih menerima teknologi yang selaras dengan prinsip Islam melalui Model TAMISE. Sementara itu, di Indonesia, institusi pesantren mula memanfaatkan teknologi dalam bentuk e-pembelajaran dan forum Islamik, namun tetap menjaga nilai tradisional. Kajian oleh Happyana et al. (2025) dan Nareswari & Hafidz (2025) membuktikan usaha integrasi ini dapat berjalan seiring jika kandungan disesuaikan dengan prinsip syariah dan budaya setempat. Dari sudut falsafah pendidikan, Desfita et al. (2024) dan Saiful (2023) menekankan kepentingan penyatuan ilmu rohani dan teknologi untuk menghasilkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang akademik, tetapi juga bagus akhlak dan spiritualnya. Integrasi teknologi bukan sebagai alat bantu pembelajaran sahaja, tetapi juga sebagai medium dakwah dan pembentukan sahsiah.

Namun begitu, masih wujud kelemahan dari segi pelaksanaan seperti kekangan kurikulum, infrastruktur dan kesukaran mengintegrasikan nilai Islam secara menyeluruh dalam kandungan digital (Khasanah M, 2024). Risiko penggunaan teknologi tanpa kawalan juga dibincangkan oleh Abdul Rahman et al. (2022) dan Ab. Hamid et al. (2021), yang memberi amaran bahawa media sosial dan teknologi AI boleh membawa kepada krisis moral dan keselamatan data jika tidak ditadbir secara syariah. Justeru, kerjasama antara guru, ibu bapa, pembuat dasar dan penyedia teknologi amat diperlukan untuk memastikan integrasi teknologi dalam pendidikan Islam berlaku secara beretika, terarah dan bertanggungjawab.

Keperluan Generasi Alpha dalam Pendidikan Islam

Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian Muslim yang seimbang dari aspek intelek, emosi, sosial dan rohani. Ia bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi juga menyemai nilai-nilai tauhid dan akhlak. Cabaran pendidikan Islam menjadi semakin kompleks kerana Generasi Alpha dibesarkan dalam ekosistem digital yang serba pantas, visual dan tanpa sempadan maklumat (McCrindle et al., 2021). Justeru, pendekatan tradisional dalam pendidikan Islam perlu diteliti semula agar sesuai dengan keperluan dan ciri unik generasi ini.

Generasi Alpha dikenali dengan ciri-ciri seperti rasa ingin tahu yang tinggi, daya kreatif, sifat kepimpinan, dan minat bersosial, namun juga memiliki kelemahan seperti sukar mematuhi peraturan dan mudah hilang fokus (Danilova, 2023). Kajian mencadangkan agar sistem pendidikan menyesuaikan kurikulum yang lebih interaktif dan inovatif, dengan guru bertindak sebagai pengintegrasikan digital (Naidoo & Dasoo, 2024). Sistem tradisional yang bersifat satu hala dilihat tidak lagi sesuai, sebaliknya perlu digantikan dengan pendekatan berasaskan pengalaman, visual dan kolaboratif yang lebih mesra kepada gaya pembelajaran digital generasi ini.

Penggunaan teknologi digital dalam pendidikan bukan lagi pilihan tetapi suatu keperluan bagi membentuk generasi Alpha yang berdaya saing dan berakhlak mulia. Bandara et al. (2024) menegaskan bahawa teknologi perlu disepadukan dengan pendekatan yang memberi perhatian kepada pembangunan emosi dan sosial pelajar. Namun, seperti yang dinyatakan oleh O'Farrell & Weaver (2024), integrasi teknologi memerlukan penyesuaian yang berterusan, pendekatan fleksibel, dan penekanan terhadap keberkesanan pedagogi. Justeru, kerjasama pelbagai pihak terutamanya guru, ibu bapa, masyarakat dan pembuat dasar adalah penting untuk memastikan pendidikan Islam kekal relevan dan berkesan dalam mendidik generasi Alpha di era digital.

Faktor-faktor Keberkesanan Pendidikan Islam Digital

Pendekatan pendidikan digital di negara-negara Barat cenderung menekankan kebebasan individu, pembangunan kognitif dan penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreativiti, kerjasama dan komunikasi. Hal ini didorong oleh nilai sekular dan etika universal yang menjadi asas utama sistem pendidikan mereka, dengan penekanan terhadap inovasi dan kemajuan teknologi (Selwyn, 2016; OECD, 2020). Namun begitu, orientasi pendidikan yang bersifat pragmatik dan individualistik ini mengabaikan elemen kerohanian dan agama, yang penting dalam membina keseimbangan diri pelajar. Ketidakhadiran nilai-nilai agama dalam sistem pendidikan Barat berpotensi menghasilkan generasi yang mahir secara teknikal tetapi kurang teguh dari sudut moral dan spiritual, terutama dalam menghadapi cabaran era digital.

Sebaliknya, negara-negara Islam seperti Brunei, Malaysia dan Indonesia mengekalkan pendekatan yang bersepadu antara ilmu naqli dan aqli dalam sistem pendidikan mereka. Teknologi digital dimanfaatkan secara beretika dan berpaksikan prinsip syariah serta maqasid syariah bagi memastikan ia menjadi alat bantu yang menyokong pembentukan akhlak dan jati diri pelajar Muslim. Keberkesanan pendidikan Islam digital di ketiga-tiga negara ini banyak bergantung kepada kesepaduan kerjasama antara guru, institusi pendidikan, ibu bapa dan komuniti dalam memastikan kandungan dan aplikasi teknologi tidak menyimpang daripada nilai-nilai Islam (Bulan et al., 2024; Akramul Insan & Misra, 2025). Justeru itu, pendidikan Islam bagi Generasi Alpha haruslah bersifat holistik dengan menggabungkan kekuatan teknologi moden dan pendekatan tradisional secara harmoni agar mampu membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga berakhlak mulia dan berpanduan syariat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes perbandingan (*comparative case study*) yang melibatkan tiga negara majoriti Muslim: Brunei, Malaysia dan Indonesia. Reka bentuk ini dipilih untuk meneliti secara mendalam pelaksanaan pendidikan Islam digital dalam konteks sebenar yang berbeza dari segi dasar, budaya dan struktur pendidikan (Yin, 2018). Pengumpulan data dilakukan melalui analisis dokumen seperti dasar pendidikan, sukatan pelajaran, garis panduan penggunaan teknologi, serta artikel jurnal dan laporan kajian terdahulu.

Pemerhatian tidak langsung juga digunakan bagi menilai pelaksanaan pendidikan Islam digital di ketiga-tiga negara. Data dianalisis secara tematik, dengan mengenal pasti isu utama berkaitan cabaran, strategi dan keberkesanan pendidikan Islam digital. Bagi memastikan kebolehpercayaan, kajian ini menggunakan triangulasi sumber melalui dokumen sahih dan bahan ilmiah yang telah diteliti rakan sejawat. Semakan bersama penyelidik juga dilaksanakan bagi memastikan interpretasi data adalah konsisten dan sahih mengikut konteks.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Pendidikan Islam di Brunei, Malaysia dan Indonesia berhadapan dengan pelbagai cabaran era digital, khususnya dalam memenuhi keperluan Generasi Alpha yang celik teknologi. Strategi pengajaran perlu bersifat kontekstual dan patuh syariah, disokong oleh kandungan yang sesuai, guru berkemahiran, serta pendekatan pembelajaran yang fleksibel dan interaktif. Keberkesanan pendidikan Islam digital pula bergantung kepada kerjasama pelbagai pihak dalam membentuk ekosistem pendidikan yang seimbang dari aspek intelektual, emosi dan spiritual.

Kerangka konseptual kajian ini merangkumi empat komponen utama:

- (1) Cabaran pendidikan Islam digital
- (2) Strategi integrasi teknologi dan nilai Islam
- (3) Ciri dan keperluan Generasi Alpha
- (4) Faktor kejayaan pelaksanaan.

Hubungan antara komponen ini dijadikan asas untuk menganalisis pendekatan pendidikan Islam digital secara komparatif di ketiga-tiga negara. Berikut adalah jadual 6.1 tentang komponen kerangka konseptual kajian.

Jadual 6.1 Komponen Kerangka Konseptual Kajian

Komponen Utama	Huraian	Rujukan
Cabaran Pendidikan Islam Digital	Kekangan infrastruktur, latihan guru, kandungan tidak selaras syariah, kekurangan sumber digital.	Hidayat et al. (2021); Azman et al. (2025); Khasanah M (2024)
Strategi Integrasi Teknologi & Nilai Islam	Strategi pengajaran digital (gamifikasi, metaverse, laman web Islamik), model TAMISE, kandungan patuh syariah.	Abubakari et al. (2023, 2024); Azman et al. (2025); Desfita et al. (2024)
Ciri & Keperluan Generasi Alpha	Visual, pantas, multitasking, bergantung teknologi, mudah terganggu, perlukan pembelajaran fleksibel dan interaktif.	McCrindle et al. (2021); Danilova (2023); Naidoo & Dasoo (2024)
Faktor Kejayaan Pelaksanaan	Peranan guru, sokongan ibu bapa, dasar kerajaan, pemantauan syariah, pembangunan profesional, sinergi teknologi & agama.	Bulan et al. (2024); Akramul Insan & Misra (2025); Abdul Rahman et al. (2022)

Manakala kerangka konseptual kajian digambarkan dalam rajah 6.2 berikut.

Rajah 6.2 Kerangka Konseptual Kajian



ANALISIS KAJIAN PERBANDINGAN

Jadual 7.1 Aspek Dasar Pendidikan Islam Digital

Negera	Dasar Utama		Penekanan
Brunei	Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21)	Pendidikan	Pendidikan Islam digabungkan secara struktural dalam sistem nasional; penggunaan teknologi seperti e-learning dan iPad diperkenalkan secara terancang (Zakaria et al., 2020).
Malaysia	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dan Dasar Pendidikan Islam	Integrasi teknologi dan nilai Islam	ditekankan melalui kurikulum dan pelan pembangunan profesional guru (Azman et al., 2025).
Indonesia	Kurikulum Merdeka dan Sistem Pendidikan Madrasah	Penekanan kepada fleksibiliti, namun pelaksanaan tidak seragam kerana isu infrastruktur dan perbezaan wilayah (Ikhwan et al., 2023).	

Malaysia dan Brunei mempunyai dasar pendidikan Islam digital yang lebih terancang dan menyeluruh berbanding Indonesia yang masih menghadapi isu ketaksamaan akses dan pelaksanaan.

Jadual 7.2 Infrastruktur dan Akses Teknologi

Negera	Infrastruktur	Cabaran
Brunei	Infrastruktur moden, capaian internet tinggi di bandar dan sekolah	Kurangnya latihan guru dalam teknologi Islamik; kandungan digital masih terhad kepada sumber luaran (Abubakari et al., 2024).
Malaysia	Akses baik di bandar, sekolah luar bandar masih bergantung kepada peralatan asas	Jurang digital antara negeri; guru memerlukan latihan dan modul digital berasaskan nilai Islam (Azman et al., 2025).
Indonesia	Sangat tidak seimbang; kawasan luar bandar sering terputus akses	Peranti pelajar terhad, banyak bergantung kepada media tidak rasmi dan YouTube; kekangan kewangan keluarga (Ikhwan et al., 2023).

Brunei paling stabil dari segi infrastruktur, diikuti Malaysia. Indonesia menunjukkan cabaran besar dari aspek capaian dan keupayaan infrastruktur.

Jadual 7.3 Strategi Pengajaran dan Integrasi Teknologi

Negera	Strategi Digital	Pendekatan Nilai Islam
Brunei	Model <i>blended learning</i> , penggunaan aplikasi interaktif dan sokongan platform institusi (e-Pelita, SPN21 portal)	Penekanan kepada penggunaan teknologi patuh syariah dengan pendekatan holistik (Abubakari et al., 2023).
Malaysia	Gamifikasi, Google Classroom, modul akhlak digital, penggunaan metaverse di beberapa sekolah	Pendekatan seimbang – pembangunan sahsiah, akidah, dan interaktiviti teknologi (Azman et al., 2025).
Indonesia	Menggunakan platform seperti WhatsApp, Google Form, YouTube; penggunaan rakaman ceramah pondok	Nilai Islam bergantung kepada inisiatif lokal pesantren dan guru; kurang kandungan digital rasmi (Happyana et al., 2025).

Malaysia dan Brunei sedang membangunkan strategi teknologi Islam yang lebih sistematik, manakala pendekatan Indonesia masih bergantung kepada daya usaha individu dan institusi pesantren secara berasingan.

Jadual 7.4 Kesesuaian Ciri Generasi Alpha

Negera	Tahap Responsif Terhadap Generasi Alpha	Bentuk Penyesuaian
Brunei	Tinggi	Kandungan visual, interaktif dan berasaskan realiti digital digunakan dalam pendidikan formal.
Malaysia	Sederhana Tinggi	Penyesuaian dilakukan melalui latihan guru, pendekatan fleksibel dalam kurikulum (Bandara et al., 2024).
Indonesia	Rendah Sederhana	Masih banyak bergantung pada sistem hafalan dan ceramah; penyesuaian digital belum menyeluruh (Danilova, 2023).

Brunei paling maju dari segi pemahaman terhadap gaya pembelajaran generasi Alpha. Malaysia sedang berusaha ke arah tersebut. Indonesia masih menggunakan pendekatan tradisional.

Jadual 7.5 Sokongan Komuniti dan Keberkesanan Pelaksanaan

Negera	Tahap Responsif Terhadap Generasi Alpha	Bentuk Penyesuaian
Brunei	Tinggi (Kerajaan, sekolah, dan keluarga bekerjasama)	Sistem pusat dan dasar yang menyokong nilai Islam dalam digitalisasi.
Malaysia	Sederhana (variasi antara negeri dan komuniti)	Kepimpinan sekolah dan inisiatif guru jadi penentu.
Indonesia	Rendah (bergantung pada kemandirian institusi pendidikan Islam seperti pesantren)	Desentralisasi sistem pendidikan memberi cabaran besar untuk penyelarasan.

Brunei memperlihatkan sinergi sistemik antara semua pihak. Malaysia masih membina sistem sokongan, sementara Indonesia menghadapi fragmentasi yang melemahkan pelaksanaan yang berkesan.

Jadual 7.6 Rumusan Perbandingan

Aspek	Brunei	Malaysia	Indonesia
Dasar Pendidikan	Terancang & Seragam	Terancang tetapi berbeza antara negeri	Fleksibel tetapi tidak seragam
Akses Teknologi	Baik & Menyeluruh	Baik tetapi jurang bandar–desa wujud	Lemah & Tidak stabil

Strategi Digital	Sistematik & Patuh Syariah	Inovatif tetapi belum menyeluruh	Tempatan & tidak konsisten
Respon Gen Alpha	Tinggi	Sederhana Tinggi	Rendah
Sokongan Komuniti	Kukuh & Tersusun	Variasi mengikut konteks	Lemah dan tidak terkoordinasi

Kajian perbandingan ini menunjukkan bahawa Brunei muncul sebagai model sistem pendidikan Islam digital yang paling stabil dan tersusun. Malaysia pula sedang bergerak ke arah pengukuhan integrasi teknologi dan nilai Islam tetapi memerlukan dasar yang lebih seragam dan latihan guru berterusan. Adapun Indonesia mempunyai potensi besar melalui pesantren dan semangat lokal, tetapi memerlukan infrastruktur dan penyelarasan dasar yang lebih mantap untuk menangani keperluan pendidikan Islam digital secara nasional.

PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pendidikan Islam digital di Brunei, Malaysia dan Indonesia berada pada tahap pembangunan yang berbeza, dipengaruhi oleh dasar pendidikan, infrastruktur teknologi, kompetensi guru dan sokongan komuniti. Brunei menonjol dengan pelaksanaan yang lebih sistematik, selaras dengan dasar kerajaan dan penekanan kepada nilai-nilai Islam dalam penggunaan teknologi.

Malaysia pula berada pada tahap pertengahan, dengan pelbagai inisiatif seperti gamifikasi dan penggunaan metaverse dalam pendidikan Islam. Namun, pelaksanaannya masih berdepan cabaran dari segi keseragaman antara negeri serta keperluan latihan profesional guru. Walau demikian, dasar kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan memberikan arah yang jelas ke arah digitalisasi pendidikan Islam.

Indonesia menghadapi cabaran lebih besar, khususnya dari aspek akses teknologi dan ketidakseimbangan antara wilayah. Walau bagaimanapun, kekuatan institusi pesantren menjadi asas penting dalam pembangunan pendidikan Islam akar umbi. Usaha integrasi teknologi sedang dilaksanakan secara beransur-ansur, meskipun masih bergantung kepada pendekatan tradisional.

Secara keseluruhan, keberkesanan pendidikan Islam digital bergantung kepada keseimbangan antara kemajuan teknologi dan nilai-nilai Islam, selain kesiapsiagaan guru dan peranan komuniti. Pendidikan Islam masa depan perlu berfungsi secara proaktif, berpaksikan nilai tauhid, etika digital, dan kesesuaian dengan gaya pembelajaran Generasi Alpha yang visual, fleksibel dan interaktif.

KESIMPULAN KAJIAN

Kajian ini menegaskan bahawa integrasi teknologi digital dalam pendidikan Islam bagi Generasi Alpha merupakan keperluan kritikal yang tidak boleh dipandang ringan. Pendidikan Islam masa kini perlu bersifat kontekstual, responsif dan berpaksikan nilai agar mampu menyesuaikan diri dengan realiti digital yang kompleks. Hasil perbandingan menunjukkan Brunei lebih terkehadapan dari segi pelaksanaan dasar dan infrastruktur; Malaysia berada pada

tahap pembangunan dengan pelbagai inisiatif, namun masih memerlukan penyelarasan; manakala Indonesia mempunyai kekuatan institusi akar umbi tetapi berdepan cabaran dari aspek akses dan dasar. Keberkesanan pendidikan Islam digital tidak hanya bergantung kepada teknologi semata-mata, tetapi bergantung pada kesepaduan antara nilai aqidah, akhlak dan sahsiah. Pendidikan Islam masa depan harus mampu mengintegrasikan ilmu dan wahyu, teknologi dan spiritualiti, bagi membentuk generasi Muslim yang seimbang, berdaya saing dan berakar kukuh pada ajaran Islam dalam dunia yang semakin digital.

CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperluas pemahaman dan meningkatkan keberkesanan pendidikan Islam digital untuk Generasi Alpha:

1. Disarankan kajian kualitatif atau kuantitatif terhadap pelajar di sekolah Islam bagi meneliti pengalaman, persepsi dan keperluan mereka terhadap pembelajaran berasaskan teknologi dan nilai Islam.
2. Dicapangkan untuk membuat kajian tindakan pembangunan modul berasaskan Tauhid dan menilai keberkesanan modul atau aplikasi digital yang berteraskan nilai tauhid dan akhlak Islam.
3. Peranan guru sebagai integrator digital Islamik juga perlu dikaji lebih mendalam mengenai tahap kompetensi guru dalam menggabungkan pedagogi Islam dengan teknologi, serta pembangunan profil guru digital-Islamik yang berkesan.
4. Perlu dikaji juga perbandingan dasar pendidikan Islam digital di negara Islam yang lain, seperti; Arab Saudi, Turki dan Pakistan untuk memperkaya kefahaman tentang pelaksanaan pendidikan Islam digital dalam pelbagai konteks sosio-politik.
5. Disarankan kajian terhadap aspek polisi dan perundangan, piawaian kandungan patuh syariah, serta perlindungan data pelajar Muslim dalam ekosistem pendidikan Islam digital.

RUJUKAN

- Abdul Halim, Muhammad Anwar., Hafizi, Mohamad., Engku Abdullah, Engku Mohamad. 2023. Digital Competency Among Educators in Malaysia Facing with Fourth Industrial Revolution (IR4.0). *Jurnal Al-Sirat*, 2(23): 65-89.
- Abdul Rahman, Ahmad Tarmizi et al. 2022. Social Media and Moral Decline of Muslim Youth in Sabah. *International Journal of Advanced Research in Islamic and Humanities*, 4(2): 11-18.
- Ab Hamid, N 'A., Mat Rashid, A., Mat Nor, M. F. 2021. A Segment Study of Moral Crisis on SocialMedia and Online Using the Artificial Intelligence Application: A Wake-up Call. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(22): 36-44.
- Abubakari, M., Zakaria, G. A. N., & Musa, J. 2023. Digital Learning Acceptance in Islamic Education: Validity and Reliability Testing of the Modified Technology Acceptance Model. *Canadian Journal of Educational and Social Studies*, 3(6): 27-42.

- Abubakari, M. S., Zakaria, G. A. N., & Musa, J. 2024. Perceived compatibility and students' intention to adopt digital technologies in Islamic education institutions. *Cogent Education*, 11(1): 1-17.
- Akramul Insan Zaer & Misra Misra. 2025. Dampak Teknologi Digital Terhadap Pembentukan Karakter Islami Peserta Didik di Era Society 5.0. *Akhlak: Jurnal Pendidikan Agama Islam Dan Filsafat*, 2(3): 85–92.
- Asdlori, Asdlori. 2023. Media Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Semasa Pandemik: Analisis Tinjauan Literatur Bersistematik. *Jurnal Antarabangsa Sains Sosial dan Agama (IJSSR)* 4(2):235-50.
- Azman, Alniza & Hamzah, Mohd & Razak, Khadijah. 2024. Exploring The Impact of Digital Technology Transformation in Islamic Education: The Islamic Education Teachers Perspective. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 21.
- Azman, Alniza & Hamzah, Isa & Baharudin, Harun. 2025. Digital Teaching Strategies of Islamic Education Teachers: A Case Study in Primary Schools. *International Journal of Learning Teaching and Educational Research*. 24: 562-585.
- Bandara, K. M. N. T. K., Hettiwaththege, C. R., & Katukurunda, K. G. W. K. 2024. An Overview of Teaching Methods for Fostering Generation Alpha (Gen Alpha) Learning Process. *International Journal of Research Publication and Reviews*, 5(8): 1446-1461.
- Bukhari, B., Bastiar, B., & Anwar, A. 2024. Challenges of Parenting in the Digital Era: A Review from the Perspective of Islamic Family Law. *Al-Qadha: Jurnal Hukum Islam dan Perundang-Undangan*, 11(2): 357-370.
- Bulan, S., Zainiyati, H., Kholis, N., Anam, K., Karim, A., & Hasanuddin, M. 2024. Synergy of Islamic Religious Education Teachers in Fostering Digital Literacy and Research Culture among Students. *Jurnal SMART (Studi Masyarakat, Religi, dan Tradisi)*, 10(2): 202-215.
- Danilova, L. N. 2023. Educational needs of the Generation Alpha. *Izvestiya Of Saratov University. Educational Acmeology. Developmental Psychology*, 12(1): 58-67.
- Desfita, V., Salminawati, S., & Usiono, U. 2024. Integration Of Science in The Perspective Of Islamic Educational Philosophy and Its Implications in Realizing Holistic Education. *Jurnal As-Salam*, 8(2): 114–134.
- Gaya, S., & Ahmad, N. 2024. The Concept of Islamic Identity and Its Importance for Muslim Youth. *Al-Daulah: Jurnal Hukum Pidana Dan Ketatanegaraan*, 13(1): 34-49.
- Happyana, L., Istiqomah, F. Z., Khasanah, M., & Hussin, M. 2025. Integration of Tradition and Technology: Digitalization Strategies in Islamic Education at Pesantren in Banyuwangi, Indonesia. *Journal of Islamic Education Research*, 6(1): 1–18.
- Hidayat, A., Fatimah, S., & Rosidin, D. N. 2021. Challenges and prospects of Islamic education institutions and sustainability in the digital era. *Nazhruna: Jurnal Pendidikan Islam*, 5(2): 351-366.
- Hidayatulah, A. S., Sholikah, M. A., Hadi, I. A., Nugroho, W., & Yusuf, M. H. 2025. Strategies for Strengthening Digital Islamic Religious Education in Overcoming Religious Disinformation. *Journal of English Language and Education*, 10(3): 254-262.
- Ikhwan, M., Fuadi, M., Mailizar, M., & Jannah, M. 2023. The Utilization of Information Technology for the Professional Development of Islamic Education Teachers in

- Indonesia. *PROGRESIVA: Jurnal Pemikiran dan Pendidikan Islam*, 12(2): 209-222.
- Kahfi, I. 2025. Transformasi Pendidikan Akhlak Dalam Mengatasi Penyimpangan Perilaku Sosial Remaja Di Era Digital. *Maslahah: Journal of Islamic Studies*, 4(1): 9-38.
- Karliani, E., Saefulloh, A. & Triyani, T. 2021. The Integration of Islamic Education Value in Strengthening Higher Education Students' Peace-loving Character. *Al-Izzah: Jurnal Hasil-Hasil Penelitian*, 16(2): 134-140.
- Khalissafri Mohd Haslin & Mohd Isa Hamzah. 2023. Pendigitalan Pendidikan: Kesiapan dan Cabaran Terhadap Murid dalam Pembelajaran [Digitization of Education: Readiness and Challenges for Students in Learning]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 3(1): 41-57.
- Khanifah, N. 2024. Tantangan Dan Peluang Pendidikan Agama Islam Terhadap Kenakalan Remaja Di Era Digital. *Jurnal Media Akademik (JMA)*, 2(6): 1-12.
- Khasanah, M. 2024. Tantangan Penerapan Teknologi Digital dalam Pendidikan Islam: Memanfaatkan Inovasi untuk Meningkatkan Mutu Pembelajaran. *Leader: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 2(2): 282-289.
- Khosim, M. 2025. Teori Belajar Sibernetik pada Generasi Alpha: Strategi Pembelajaran Agama Islam Era Digital. *Nusantara: Indonesian Journal of Islamic Studies*, 5(1): 17-35.
- Lubis, Maimun. 2015. Effective Implementation of The Integrated Islamic Education. *Global Journal al Thaqafah*. 5: 59-68.
- McCrindle, M., Buckerfield, S., & Fell, A. 2021. Generation Alpha: Understanding our children and helping them thrive. Sydney. *New South Wales, Australia, Hachette Australia*.
- Mustofa, F., Putro, K. Z., & Rohinah, R. 2024. Integration of Islamic Values in Basic Education from an Islamic Studies Perspective at UIN Yogyakarta. *Journal of Education Research*, 5(4): 6777-6786.
- Naidoo, S.A. & Dasoo, N. 2024. 'Preparing pre-service teachers for Generation Alpha: A social innovation perspective', *African Journal of Teacher Education and Development* 3(1): a62.
- Nareswari, Ardha & Hafidz. 2025. Integrasi Teknologi Informasi Dalam Kurikulum Pendidikan Agama Islam di Indonesia; Pendekatan Teori Difusi Inovasi M.Rogers. *Jurnal IHSAN Jurnal Pendidikan Islam*. 3: 129-137.
- OECD 2020. *Trends Shaping Education 2020*. OECD Publishing.
- O'Farrell, J. & Weaver, C. 2024. Technology and transformation: Redefining higher education for Generations Z and Alpha. *Available at SSRN 4833043*.
- Prensky, M. R. 2010. *Teaching digital natives: Partnering for real learning*. Corwin press.
- Sadiku, M. N. O., Chukwu, U. C., Ajayi-Majebi, A., & Musa, S. M. 2022. *Education for digital natives. International Journal of Trend in Scientific Research and Development (IJTSRD)*, 6(3): 751-757.
- Saiful, S. 2023. Sistem Pendidikan Islam, Integrasi Ilmu Pengetahuan Agama dan Teknologi Digital. *JlIP - Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan*, 6(2): 1100-1107.
- Salmi, J. 2021. Impact of COVID-19 on Higher Education from an Equity Perspective, *International Higher Education*, 105(57): 5-7.
- Savana, O., Ikhrom, I., Hidayati, F., Aliffia, K., Candrika, AR, & Junaedi, M. 2025. Mentransformasikan Pembelajaran Pendidikan Islam: Strategi Inovatif Pendidik

- Generasi Z Dalam Menghadapi Pelajar Alfa Generasi. *Jurnal Inovasi Pendidikan Dan Sains*, 6(2): 191-196.
- Schwab, Klaus. 2017. *The Fourth Industrial Revolution*. New York: Crown Business.
- Selwyn, N. 2016. *Education and Technology: Key Issues and Debates*. Bloomsbury Publishing.
- Setia, I. & Ainun, N. 2024. Opportunities And Challenges for Islamic Education in Society 5.0. *Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies*, 8(2): 264-281.
- Siregar, R., Subagiharti, H., Handayani, D., Surbakti, S., & Barus, E. 2024. Pembelajaran di Era Teknologi Digital – Sebuah Kajian Literatur. *Journal of Education, Humaniora and Social Sciences (JEHSS)*, 6(4): 1357 -1365.
- Subakir, A. 2020. Integrating Islamic Education Based Value: Response to Global Challenges and Socio-Environment. In *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* (Vol. 469, No. 1, p. 012106). IOP Publishing.
- Yin, R. K. 2018. *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). SAGE Publications.
- Zakaria, Gamal & Hashim, Norkhairiah & Nawi, Aliff & Mahalle, Salwa. 2020. Integration of 21st Century Skills: An Innovative Alternative Practice in the *Teaching & Learning of Islamic Education*.